

27/02/2003

Cadangan penjarakan pentadbir tanah menyeleweng dapat sokongan

KUALA LUMPUR: Beberapa pihak menyokong cadangan supaya pentadbir tanah yang meluluskan projek dan pihak yang memusnahkan kawasan tanah tinggi termasuk meratakan bukit sewenang-wenangnya, dipenjara atau denda apabila kegiatan itu diklasifikasikan sebagai kesalahan jenayah.

Langkah itu disifatkan tepat pada masanya selain membuktikan keprihatinan dan kesungguhan kerajaan memulihara alam sekitar bagi jangka panjang kerana ia adalah anugerah kepada generasi akan datang.

Pegawai Saintifik, Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Stella Melkion berkata, sebagai badan yang berkaitan alam sekitar beliau turut berbangga dengan usaha kerajaan terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bersungguh-sungguh memastikan alam sekitar tidak diterokai sesuka hati pihak tidak bertanggungjawab.

Beliau berkata apabila kegiatan memusnahkan alam sekitar diklasifikasikan sebagai kesalahan jenayah, ia akan menyebabkan pihak berkenaan lebih takut selain menyedarkan masyarakat kepentingan menjaga alam sekitar sebagai tanggungjawab bersama.

"Saya berharap proses pindaan Akta Pentadbiran Tanah 1960 dan Kanun Tanah akan segera diumumkan kerana ia memastikan pesalah dikenakan tindakan sewajarnya. Pada masa sama setiap negeri perlu menjalankan lebih banyak pemeriksaan bagi memastikan penyalahgunaan tanah tidak terus berlaku," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Berita Harian kelmarin melaporkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim mengenai hukuman penjara dan denda boleh dikenakan kepada pentadbir tanah yang meluluskan projek dan pihak yang memusnahkan kawasan tanah tinggi apabila kegiatan itu diklasifikasikan sebagai kesalahan jenayah.

Rais berkata Akta Pentadbiran Tanah 1960 dan Kanun Tanah akan dipinda bagi mentakrif kegiatan itu sebagai kesalahan mengikut Kanun Keseksaan.

Penasihat Undang-undang Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Meena Raman berkata, hukuman yang lebih berat seperti penjara perlu dilakukan bagi memastikan pihak yang tidak bertanggungjawab sedar perbuatan mereka yang mengabaikan alam sekitar adalah sesuatu kesalahan jenayah sehingga meragut nyawa pihak yang tidak bersalah seperti kejadian tanah runtuh di Highland Tower beberapa tahun lalu.

Beliau berkata sikap yang mengabaikan alam sekitar perlu mendapat hukuman sewajarnya kerana mereka hanya mementingkan keuntungan semata-mata tanpa mengambil kira kepentingan orang ramai.

"Hukuman penjara pula perlu dilakukan kepada pengarah, pegawai syarikat atau pihak yang meluluskan projek kerana walaupun tidak membotakkan bukit tetapi merekalah individu yang mengarahkan serta menjayakan sesuatu projek itu," katanya.

Sementara itu Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr Tan Kee Kwong ketika dihubungi di sini semalam berkata, hukuman berat dan diklasifikasikan sebagai jenayah bagi pindaan akta itu dijangka mampu menakutkan pesalah dan mengatasi penyalahgunaan tanah.

Beliau yang enggan mengulas lanjut mengenai pindaan itu bagaimanapun berkata kementerianya dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar kini masih dalam proses meluaskan skop denda dan hukuman yang akan dikenakan dalam pindaan berkenaan.